

## Memahami Watak Sa'aman dalam *Keluarga Gerilya*: Satu Pendekatan Logoterapi Frankl

Understanding Sa'aman in *Keluarga Gerilya*: A Frankl Logotherapy Approach

RATNA ROSHIDA AB RAZAK

### ABSTRAK

Makalah ini bertujuan meneliti karya Pramoedya Ananta Toe dengan menggunakan pendekatan logoterapi Frankl, iaitu satu cara rawatan psikologi bagi mengatasi gangguan jiwa dan emosi melalui pencarian makna dalam hidup. Logoterapi amat menekankan aspek spiritual atau kerohanian. Mengikut teori ini kekuatan rohani mampu menjadikan seseorang individu yang tertawan itu terus 'bebas' dan tabah menjalani kehidupannya sebagaimana watak Sa'aman dalam *Keluarga Gerilya*, sebuah novel yang pernah menjadi teks rujukan sastera. Penulis novel telah berjaya memberi kesempatan kepada pembaca untuk menyelami penderitaan sebuah keluarga semasa menghadapi zaman penjajahan. Penulis berupaya membawa pembaca merasa sendiri penderitaan yang dialami oleh seorang insan yang telah dipenjara. Watak-watak penting yang telah berjaya digambarkan oleh pengarang dengan jelas dan mesej tentang kemanusiaan, dilema kehidupan dalam perjuangan untuk membebaskan diri dari belenggu penjajahan Belanda telah disampaikan dengan berkesan sekali. Kesegaran watak Sa'aman mampu untuk meruntun perasaan pembaca dan memberi peluang untuk pembaca merasai sendiri penderitaan sebagai seorang tawanan yang amat menghargai nilai kemanusiaan. Dengan meneliti kekuatan spiritual atau rohani yang ada pada Sa'aman pembaca akhirnya berupaya memahami rahsia di sebalik kekuatan, semangat dan ketabahan beliau. Mengkaji novel ini dengan menggunakan pendekatan logoterapi Frankl yang bergerak di atas landasan kepentingan makna atau erti kehidupan memberi peluang kepada pembaca untuk lebih menghargai dan menikmati perjalanan hidup sebuah keluarga pejuang kemerdekaan.

Kata kunci: Kerohanian, penderitaan, logoterapi Frankl, nilai kemanusiaan

### ABSTRACT

The purpose of this article is to scrutinise the writing of Pramoedya Ananta Toe using the Frankl logotherapy approach, that is a method of treatment for psychology disturbance through the search for the meaning of life. Logotherapy emphasises on the importance of soul and spiritualism. *Keluarga Gerilya* has given readers a chance to delve into the suffering and devastation of a family during the colonial era. Through his writing, the writer succeeded in transporting his readers back to the lives and sufferings of a Dutch prisoner in Bukit Duri Prison, Jakarta, Indonesia. The characters in the story are vividly pictured and they succeeded in effectively sending across a message of human dilemma and humanity in the effort to fight the Dutch colonial shackles and regain independence for their country. The vividness of Sa'aman's character successfully invoked the readers' empathy for the prisoners in the camp and at the same time, appreciating the true value of humanity. By exploring the spiritual strength of Sa'aman, a freedom fighter, the readers are finally able to understand the secret for his strength and perseverance. Scrutinising this masterpiece through a psychological lens, in particular through Frankl logotherapy that revolves around the importance of meaning and purpose in life, gives opportunity to the readers to better appreciate and understand the life's journey of a nationalist's family.

Keywords: Spritual, suffering, Frankl logotherapy, humanistic value

### PENDAHULUAN

Menelusuri bicara Pramoedya Ananta Toer, yang dilahirkan pada tahun 1925 di Blora, Jawa Tengah, menerusi "Keluarga Gerilya", sebuah novel yang diterbitkan pada 1970 telah memberi peluang kepada pembaca untuk merasai sendiri penderitaan dan kehancuran sebuah keluarga akibat peperangan. Penulis yang merupakan seorang anak

kepada seorang pendidik dilahirkan pada tahun 1925 di Blora, sebuah daerah yang miskin dan terkebelakang. Kawalan yang begitu rapi oleh ayahnya yang memiliki jiwa nasionalis yang tinggi akhirnya menjadikan dia seorang yang amat dewasa dari segi pemikiran dan fizikal yang tahan lasak. Walau bagaimanapun, sikap mementingkan diri sendiri yang begitu tinggi dalam jiwa akhirnya memisahkan mereka apabila dia melarikan diri dari

rumah selepas berlakunya satu pergeseran antara mereka. Semasa menjalani kehidupan di kota Jakarta, beliau sempat bertemu dengan tokoh-tokoh ternama seperti Mohammad Hatta dan Soekarno. Kehidupan di bawah penjajah banyak memberi kesan dalam jiwanya. Rasa tanggungjawab yang tinggi untuk mempertahankan maruah dan kemanusiaan bangsa telah mendorongnya untuk melibatkan dirinya dalam pasukan mempertahankan kampungnya seperti Badan Keamanan Rakyat (Baharum Rangkuti 1963: 10).

Kisah tragis sebuah keluarga pejuang kemerdekaan Indonesia menentang Belanda di Daerah Merdeka dan terpaksa mengorbankan segala-galanya demi sebuah kebebasan. Keupayaan pengarang melalui proses kreatifnya untuk menceritakan kembali perihal zaman revolusi telah memberi kesempatan kepada pembaca untuk turut sama merasai pengalaman pahitnya, terutama apabila beliau menjadi tahanan Belanda di penjara Bukit Duri, Jakarta. Ceritanya yang sarat dengan nilai kemanusiaan, yang berjaya diungkapkan dengan susunan perkataan yang indah dan terperinci telah menjadikan *Keluarga Gerilya* sebagai sebuah rakaman sejarah yang unik, kerana peristiwa yang dijadikan rujukannya merupakan pengalaman peribadi pengarang sendiri yang terkandung di dalamnya perihal manusia dan kemanusiaan yang tinggi. Pengarang telah berjaya menzahirkan nilai-nilai budaya dan kemasyarakatan di waktu menuntut kemerdekaan. Pelbagai konflik budaya dan kemasyarakatan cuba diungkapkan oleh pengarang melalui bicaranya tentang falsafah kehidupan. Kisah duka sebuah keluarga yang kehilangan tonggakannya akibat ditembak anak sendiri, yang memiliki perbezaan fahaman, telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca.

Watak-watak dalam cerita ini yang seakan hidup telah berjaya membawa mesej yang tersendiri, terutama dalam persoalan manusia dan kemanusiaan dalam usaha menentang penjajahan Belanda dan menuntut kemerdekaan negara. Amilah seorang ibu berusia 41 tahun telah mengalami penderitaan batin apabila anaknya Sa'aman ditangkap oleh Polis Tentera. Sa'aman anak yang paling dikasihi oleh ibunya Amilah menjadi tunjang dalam keluarga. Dengan pekerjaannya sebagai tukang beca, Sa'aman mampu menyara kehidupan ibu dan adik beradiknya. Akibat kehilangannya, kehidupan keluarganya telah berubah, Amilah menjadi hilang akal dan adik-beradiknya menjadi hilang tempat untuk bergantung. Sa'aman seorang yang sanggup membunuh bapanya sendiri kerana bapanya telah menjadi tali barut Belanda akhirnya terpaksa menghabiskan hari-hari terakhir kehidupannya di dalam tahanan. Namun, sisa-sisa kehidupan terakhir yang dilaluinya ini sarat dengan makna dan tujuan sebenar kehidupannya-kehidupan sebagai seorang pejuang. Salamah, seorang gadis sunti berusia 19 tahun terpaksa mengambil peranan abangnya, membantu adik-adiknya

dengan mengharap belas kasihan daripada tunangnya Darsono. Kartiman, adiknya, memiliki kawalan emosi yang agak lemah dan seorang yang pemaarah, melibatkan dirinya dengan perjuangan kemerdekaan menentang Belanda. Kartiman juga telah menembak ayahnya yang menjadi tali barut tentera Belanda. Canimin, abang kepada Kartiman dan adik kepada Sa'aman yang memiliki pangkat kopral dalam pasukan gerilya, memiliki muka yang cacat kerana kebakaran menyimpannya dalam pertempuran di Madiun. Kelima-lima watak ini berdiri sebagai watak penting dalam novel ini kerana penglibatan mereka dalam perjuangan.

### TEORI LOGOTERAPI FRANKL

Logoterapi bermaksud kaedah rawatan melalui pencarian makna hidup yang menekankan kepentingan aspek rohani atau "spiritual". Aliran ini diasaskan oleh seorang doktor bernama Viktor Emile Frankl (1905-1997) yang berasal dari kota Vienna, Austria. Frankl mendapat idea logoterapi ini sewaktu menjadi tahanan di kem tahanan konsentrasi khusus zaman Nazi semasa Perang Dunia II. Pengalaman yang bermakna dalam kem tahanan terhasil apabila beliau dapat menyaksikan bagaimana tiga kelompok manusia mengharungi kehidupan. Pertama, golongan yang hidup penuh dengan kehampaan dan tidak mempunyai apa-apa makna lagi dalam hidup. Mereka ini telah hilang harapan untuk meneruskan hidup dan memerlukan orang lain untuk memberi makna dalam hidup mereka. Golongan kedua pula ialah mereka yang tetap menderita, namun masih mempunyai harapan yang tinggi dan terus tabah menghadapi kesempitan hidup. Golongan yang ketiga ialah mereka yang menemui makna dari kehidupan yang penuh dengan penderitaan.

Frankl menamakan terapinya 'logoterapi' yang berasal dari perkataan Yunani bermaksud kata, roh, tuhan dan makna. 'Logos' yang membawa maksud 'makna' ini dianggap tepat untuk menerangkan maksud dalam terapinya, iaitu 'terapi makna' atau 'logoterapi'. Frankl meletakkan keinginan untuk memberi makna sebagai sumber motivasi utama manusia. Frankl juga berpendapat bahawa ketegangan (stress) menjadi unsur penting untuk keseimbangan dan kesihatan jiwa. Dalam bidang psikologi kaedah terapi yang bergelar 'logoterapi' masih belum dikenali ramai sebagaimana aliran psikoanalisis, behaviourisme, dan humanistik. Sesetengah pengkaji menggelar logoterapi sebagai 'The Third Viennese School of Psychotherapy' yang memberi penekanan terhadap makna untuk sebuah kehidupan dan pencarian seseorang akan makna tersebut ... 'Man's search for such meaning and the striving of man to find a meaning in one's life is the primary motivational force in man ...' (Frankl 1973: 39).

Logoterapi merupakan satu terapi yang menekankan pencarian makna hidup (the meaning of life) dalam mengatasi neurosis atau gangguan jiwa. Teori logoterapi Frankl lebih menekankan keperluan individu untuk memberi fokus terhadap masa depan, iaitu dengan cara mencari makna dalam hidup. Teori ini juga agak berlainan dengan teori psikoanalisis Freud yang banyak mengaitkan peristiwa lepas untuk mengatasi neurosis. Apa yang membezakan logoterapi daripada psikoanalisis ialah logoterapi ini bersifat kurang 'retrospektif', iaitu melihat masa lampau dan juga kurang 'introspektif', iaitu memberi tumpuan terhadap diri sendiri. Hal ini yang membezakan antara 'will to meaning' dengan 'pleasure' yang menjadi asas dalam psikoanalisis Freud, 'will to power' dalam psikologi Adler yang memfokuskan 'striving for superiority'. Logoterapi memberi penekanan terhadap masa depan. Logoterapi merupakan 'meaning-centered' psikoterapi. Perkara yang amat ditekankan dalam teori ini ialah setiap insan yang dijadikan tuhan mempunyai keinginan untuk mencari makna dalam hidup, dan makna yang diperolehi tentang tujuan hidup inilah yang akan digunakan untuk mengatasi segala masalah termasuk masalah yang akhirnya mengakibatkan gangguan psikologi.

Logoterapi bukanlah sekadar keupayaan manusia untuk merasionalkan pemikiran atau akal manusia yang muncul kerana dorongan akal alamiahnya, tetapi makna hidup yang ada pada manusia adalah sesuatu yang unik dan khusus, yang dengan keunikan ini mampu memenuhi dan mampu merumuskan makna hidup baginya. Menurut Frankl (1959:104), apa-apa pun yang dimiliki manusia akan hilang dari tangannya, kecuali satu hal, kebebasannya sebagai manusia, iaitu kebebasannya mentukan sikap apa yang harus dimiliki dalam menghadapi satu-satu situasi, iaitu kebebasan dalam memilih jalannya sendiri.

Mengikut Frankl makna sebuah kehidupan boleh diperolehi apabila seseorang terpaksa berdepan dengan situasi yang getir, yang tidak ada kemungkinan nasibnya akan berubah. Perkara yang utama diperolehi ialah seseorang dapat menilai potensi yang ada pada dirinya apabila dapat menukar sebuah tragedi kepada satu kejayaan yang besar, atau satu keadaan yang tidak diinginkan atau disenangi kepada sebuah pencapaian yang diinginkan. Hal ini akan berlaku terutamanya apabila seseorang itu tidak mungkin dapat menukar keadaan yang dialaminya sekarang kepada sesuatu yang diharapkan. Bagi Frankl perkara yang penting dalam situasi seperti ini ialah perubahan sikap yang ada pada seseorang kepada nasib yang tidak mungkin dapat diubahnya. Inilah salah satu prinsip asas dalam logoterapi iaitu apabila seseorang dapat menukarkan tumpuan utamanya dari memperoleh keseronokan dalam hidup kepada melihat makna yang sebenar pada kehidupan.

Dalam logoterapi, makna sebuah kehidupan boleh diperolehi melalui tiga jalan yang berbeza. Pertama, melalui nilai-nilai pengalaman, iaitu memperoleh pengalamn tentang sesuatu atau seseorang yang bernilai kepada kita. Antara contoh nilai-nilai pengalaman yang dimaksudkan ini ialah perasaan yang dimiliki seseorang. Melalui percintaan seseorang membenarkan orang yang dicintainya itu menemukan makna cinta dan makna kehadirannya. Bagi Frankl (1959:34), cinta adalah tujuan terakhir dan sesuatu yang tinggi yang dapat dicita-citakan oleh manusia. ...

Love is the only way to grasp another human being in the innermost core of his personality. No one can become fully aware of the very essence of another human being unless he loves him. By his love he is enabled to see the essential traits and features in the beloved person; and even more, he sees which is potential in him, which is not yet actualized but yet ought to be actualized...

Pengalaman pahit atau ngeri adalah antara jenis pengalaman yang boleh dikategorikan dalam kumpulan pertama ini. Pendekatan yang kedua untuk menemukan makna hidup ini ialah melalui nilai-nilai kreatif, iaitu melalui tindakan seperti melibatkan diri dalam sesebuah aktiviti yang dianggap memberi nilai yang tinggi terhadap kehidupannya. Bagi Frankl, kreativiti merupakan sebuah fungsi 'spiritual' di bawah sedar, atau apa yang dipanggil sebagai hati nurani. Penglibatan Sa'aman dalam perjuangan membebaskan bangsanya dari belenggu penjajah boleh dianggap sebagai satu keputusan untuk memberi nilai yang tinggi terhadap kewujudan dan kehidupannya.

Pendekatan yang ketiga ialah nilai-nilai yang mencakupi sifat-sifat terpuji seperti penyayang, keberanian dan juga sikap yang diambil terhadap sesuatu penderitaan yang tidak dapat dielakkan. Di dalam kes Sa'aman penderitaan yang terpaksa ditanggungnya selama tiga bulan dalam penjara merupakan suatu penderitaan yang tidak dapat dielakkan. Dari segi peribadinya pula, kemuliaan hati nurani Sa'aman pernah diakui oleh seorang perajurit; '... Sudah lama aku bergaul dengan Kak Aman, setidak-tidaknya aku kena pengaruhnya. Dan dia begitu baik. Dan dia banyak berfikir...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 30). Kebaikannya juga telah diketahui oleh jiran-jirannya ... 'Kasihannya, nak Aman' kata tetangga, ... 'dia anak baik-baik...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 141).

Salah satu konsep utama Frankl adalah hati nurani. Frankl menekankan kepentingan hati nurani yang bagi beliau ialah perkara utama kewujudan manusia dan sumber integriti manusia. Hati nurani ini adalah sesuatu yang sangat intuitif, bersifat peribadi, sentiasa hidup dan berada dalam situasi yang nyata dan tidak boleh menjadi 'hukum universal'.

## APLIKASI LOGOTERAPI DALAM WATAK SA'AMAN

Sa'aman merupakan tonggak dalam *Keluarga Gerilya*. Setelah kematian bapanya, Sa'aman sebagai anak pertama dalam keluarga telah menjadi tempat ibunya bergantung kasih dan tempat untuk adik-adiknya bergantung harap. Sifatnya yang tenang ketika berbicara, memiliki perasaan tanggungjawab yang tinggi dan sentiasa berpandangan positif terhadap masa depan menjadikan dirinya sebagai 'role model' untuk adik-adiknya. Namun, dugaan yang besar menimpa keluarga ini apabila Sa'aman yang menjadi nadi kehidupan telah hilang secara tiba-tiba. Akibatnya Amilah, ibunya terpaksa menanggung rindu yang teramat sangat sehinggakan memberi kesan kepada jiwanya. Bagi adik-adiknya pula, khususnya Salamah, meskipun Sa'aman sudah tiada di hadapan mereka, kata-kata semangat yang sering diluahkan oleh Sa'aman terus membakar api perjuangan mereka untuk meneruskan kehidupan.

Misteri kehilangan Sa'aman secara perlahan-lahan dibuka oleh pengarang. Kehidupan dalam penjara akhirnya menjadi lokasi terpenting perjuangan Sa'aman. Meskipun secara fizikal diri Sa'aman telah dipenjara, namun dua lagi unsur penting kejadian seorang insan, iaitu rohani atau 'spiritual' dan minda atau intelektual terus bebas. Keadaan ini jelas kelihatan sepanjang perjalanan hidupnya di dalam tahanan. Frankl dalam membicarakan keadaan ini menegaskan bahawa meskipun fizikal yang tertawan dan sukar untuk dilepaskan, tetapi seseorang itu masih mempunyai kebebasan dalam minda. Minda yang bebas ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap aspek kerohanian kerana kesejahteraan rohani mampu memberi kekuatan yang sebenar kepada individu yang fizikalnya tertawan. Hal ini ditegaskan oleh Frankl (1959: 123) sebagai

... 'If prisoner felt that he could no longer endure the realities of camp life, he found a way out in his mental life- an invaluable opportunity to dwell in the spiritual domain, the one that anybody was unable to destroy. Spiritual life strengthened the prisoner, helped him adapt, and thereby improved his chance of survival...'

Frankl percaya bahawa kekuatan minda dan 'spiritual' merupakan intipati keupayaan manusia terhadap pencarian makna dan tujuan hidup kerana hal tersebut boleh ditemui melalui tindakan dan perbuatan seseorang. Mengikut Frankl makna tentang kehidupan ini berlainan antara individu, antara hari ini dengan semalam, bahkan antara masa kini dan masa yang telah berlalu. Perkara yang penting bukanlah makna sebuah kehidupan secara umum, tetapi lebih menjurus kepada makna yang khusus untuk individu tertentu pada ketika dan saat tertentu. Dalam

kes Sa'aman kehidupannya semasa di dalam penjara memberi penjelasan kepadanya tentang erti kehidupan (Pramoedaya Ananta Toer 1970: 95). Dia mengalami perubahan fizikal dengan badannya yang dahulunya tinggi kini membongkok, pahanya yang besar dan kukuh lantaran kerjanya sebagai pengayuh beca, kini menjadi kendur. Seluruh dagingnya yang dulu keras kini menjadi kendur dan empuk. Begitu juga pipinya yang telah menjadi cekung dan rambut tumbuh panjang sehingga menutupi mukanya.

Frankl dalam mengaitkan makna hidup sebenar terhadap diri individu telah menekankan bahawa seseorang itu boleh terus hidup atau berani untuk mati demi memperjuangkan makna hidup yang didukungnya, sebagaimana penjelasan beliau (1959: 121) bahawa; ... 'This meaning is unique and specific in that it must and can be fulfilled by him alone; only then does it achieve a significance which will satisfy his own will to meaning. Man however, is able to live and even to die for the sake of his idelas and values.'

Selama kehidupan Frankl di kem Auschwitz dari tahun 1942 hingga 1945, beliau telah membuktikan kebenaran teorinya, iaitu adanya keinginan untuk hidup secara bermakna (*the will to meaning*) dari golongan tawanan kem tersebut. Beliau juga telah menggunakan pengalaman dahsyat di kem tersebut dengan cara yang membina dan tidak membenarkan pengalaman itu melemahkan dan mengurangkan kecintaannya terhadap hidup. Keinginan untuk hidup bermakna merupakan satu pendorong yang perlu dimiliki setiap manusia. Dengan adanya makna dalam hidup (*the meaning of life*), maka perasaan tersebut akan berkembang dan menjadikan hidup bermakna (*the meaningful life*). Hal yang sama boleh dilihat dalam kes Sa'aman sebagaimana penekanan utama di dalam logoterapi, iaitu nilai sebuah penderitaan. Sa'aman pernah berkata bahawa;

... 'Kita harus merelakan mereka. Dan kadang-kadang mereka itu berangkat pergi untuk tak kembali lagi. Engkau sendiri pun sudah mengerti bahawa orang yang berangkat berjuang bukanlah hak keluarga lagi, tapi sudah jadi hak tanah dan bangsa yang diperjuangkannya...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 134).

Penderitaan yang ditanggung oleh Sa'aman bermula apabila dia ditangkap kerana menjadi ketua di dalam perang urat saraf menentang Belanda, yang mengikut tafsiran melalui pandangan Frankl boleh dianggap sebagai bersifat futuristik, iaitu ada kebaikan di masa depan. Sifat sebegini penting untuk memupuk dan mengembalikan perasaan positif terhadap hidup meskipun di hadapannya terdapat pelbagai halangan dan rintangan. Dalam penderitaan yang ditanggung oleh Sa'aman terutama apabila mengenangkan adik-adiknya dan juga

ibunya, terdapat ada satu nilai yang besar padanya. Nilai dalam penderitaan inilah yang menjadikan dia terus kuat untuk mengharungi kehidupannya dalam penjara sehingga sanggup menolak tawaran Van Keerling untuk lari dari penjara kerana bagi Sa'aman takdir telah ditentukan padanya untuk berjuang meskipun secara tertawan. Nilai ini telah mempamerkan sifat harga diri Sa'aman yang begitu tinggi. Hal ini diperkukuhkan sebagaimana kata Frankl (1959: 120).

... Every situation is distinguished by its uniqueness, and there is always only one right answer to the problem posed by the situation at hand. When a man finds that it is his destiny to suffer, he will have to accept his suffering as his task; his single and unique task. He will have to acknowledge the fact that even in suffering he is unique and alone in the universe. No one can relieve him of his suffering or suffer in his place. His unique opportunity lies in the way in which he bears his burden.

Sebagai seorang yang jelas tentang tujuan dan makna dalam hidupnya Sa'aman mampu memberi senyuman dan hanya berterima kasih atas pelawaan tersebut dan dia menegaskan bahawa itu bukan keputusannya (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 159). Hakikat tentang makna dalam kehidupan ini dinyatakan lagi oleh Frankl (1959: 99) bahawa;

For us, the meaning of life embraced the wider cycles of life and death, of suffering and of dying. "Once the meaning of suffering had been revealed to us, we refused to minimize or alleviate the camp's tortures by ignoring them or harbouring false illusions and entertaining artificial optimism. Suffering had become a task on which we did not want to turn our backs. We had realized its hidden opportunities for achievement.

Frankl (1959: 100) menambah lagi dengan berkata bahawa;

There was plenty of suffering for us to get through. Therefore, it was necessary to face up to the full amount of suffering, trying to keep moments of weakness and furtive tears to a minimum. But there was no need to be ashamed of tears, for tears bore witness that a man had greatest of courage, the courage to suffer. Only very few realized that.

Frankl (1959: 17) yang pernah berbicara dengan tawanan kem tentang makna sebuah kehidupan menyatakan; ... 'For success, like happiness, cannot be pursued; it must ensue, and it only does, so as the unintended side-effect of one's personal dedication to a cause greater than oneself or as the by-product of one's surrender to a person other than oneself...' Dalam hal ini Sa'aman yang merupakan salah seorang di antara beribu-ribu pemuda yang bertekad dengan rela menyerahkan jiwa raga mereka untuk tanah air dan bangsa, pada hakikatnya telah menemui tujuan

sebenarnya dalam kehidupannya meskipun tindakan yang perlu diambilnya itu mengundang penderitaan yang bukan sedikit. Bagi Frankl inilah yang dimaksudkan dengan kehidupan, iaitu keupayaan untuk mengambil tanggungjawab dalam usaha mencari penyelesaian dalam apa jua masalah yang dihadapi, sebagaimana kata beliau (Frank 1959: 98); ... 'Life ultimately means taking the responsibility to find the right answer to its problems and fulfil the tasks which it constantly sets for each individual'.

Matlamat hidup Sa'aman sebagai seorang pejuang boleh difahami apabila dia menyatakan bahawa; ... 'Apabila orang telah tekad berjuang, berjuang untuk tanahairnya dik Imah, dia sudah bersumpah. Dia sudah tekan kontrak pada tanahairnya...' Sa'aman meneruskan lagi luahan hatinya; ... 'Semua orang yang benar-benar bermaksud berjuang, ya mereka itu sudah bersedia... bersumpah menyerahkan jiwa dan raganya...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 133). Benarlah kata Frankl (1959:104) bahawa kehidupan manusia yang sebenar akan terus mempunyai makna, meskipun pun dalam keadaan yang menderitakan; ... 'Human life, under any circumstances, never ceases to have meaning, and that his infinite meaning of life includes suffering and dying, privation and death.' Misi dan matlamat hidup Sa'aman sebagai seorang pejuang untuk kebebasan begitu jelas meskipun perjuangan secara sulit yang dipilihnya. Hal ini adalah kerana dia amat diperlukan untuk menyara kehidupan keluarganya. Perjuangan secara sulit ini juga sebenarnya merupakan jawapan bagi persoalan yang dihadapi oleh seorang yang memiliki semangat juang yang tinggi terhadap tanah airnya dan pada masa yang sama menjadi tempat bergantung seluruh ahli keluarganya. Frankl (1959: 131) dalam hal ini menjelaskan bahawa;

Everyone has his own specific vocation or mission in life to carry out a concrete assignment which demands fulfillment. Therein he cannot be replaced, nor can his life be repeated. Thus, everyone's task is as unique as is his specific opportunity to implement it. In a word, each man is questioned by life; and he can only answer to life by answering for his own life; to life he can only respond by being responsible. Thus logotherapy sees in responsibility the very essence of human existence.

Walaupun Sa'aman terpaksa mengorbankan nilai kemanusiaan, iaitu dengan melibatkan diri dalam pembunuhan bapanya sendiri, Koprul Paijin bin Suto, perbuatan itu sebenarnya merupakan manifestasi tekad dalam perjuangannya; ... 'Revolusi menghendaki segala-galanya - menghendaki korban yang dipilihnya sendiri. Demikian hebatnya revolusi. Kemanusiaan ku korbankan meskipun sekarang jiwa dan raganya terpaksa dikorbankan. Namun, itulah paksaan yang dipaksanya pada dirinya sendiri untuk menjalani kekejaman dan pembunuhan

agar orang yang ada di bumi yang dipijak ini tak perlu lagi melakukan seperti itu untuk meneruskan kehidupan mereka bahkan boleh terus menikmati kehidupan mereka dengan penuh rasa kemerdekaan... (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 167). Meskipun Sa'aman seakan menyesal dengan perbuatannya membunuh bapanya sendiri, namun jauh di sudut hatinya perbuatan yang dilakukan adalah demi bangsanya dan dia yakin bahawa itulah perkara yang terbaik yang telah dilakukan terhadap tanahairnya. (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 167).

Frankl (1988: 159) percaya bahawa walaupun dalam situasi yang dahsyat, kebebasan dan kekuatan seseorang dari segi 'spiritual' dan minda boleh dikekalkan. Begitulah halnya dengan kekuatan dalaman yang ada pada Sa'aman meskipun sudah tiga bulan tidak ada alas bale, tidak ada kelambu, tidak ada sinar matahari masuk, juga tidak mendapat vitamin yang sepatutnya, tetapi dia tidak pernah sakit. Kekuatan mindanya juga boleh dilihat dari nasihat-nasihat yang ditujukan kepada adik-adiknya menerusi surat yang dihantarkan kepada mereka; ... 'Kita ini hanya bola permainannya belak. Permainan! Pergunakanlah, pergunakanlah kebesaranmu untuk merobohkan kekuasaan orang seorang yang dipakainya untuk menyakiti orang itu. Itulah kekuasaan yang isinya hanya racun kedamaian hidup sesama manusia ...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 210). Sa'aman meneruskan nasihat kepada adik-adiknya dengan menekankan kepentingan didikan; ... 'Yang penting dalam hidupmu, adik-adik ku, bukanlah didikan yang kau terima dari orang. Ini harus kau ingat-ingat! Yang penting ialah didikan yang diberikan oleh fikiranmu sendiri yang waras pada dirimu...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 210). Sebagai anak yang turut sama merasai kegersangan kasih sayang yang sebenarnya dari seorang ibu, lantaran sikap ibunya yang begitu garang, menasihati adik-adiknya; ... 'Dan kelak, didiklah anakmu sebagaimana anak manusia harus dididik. Ibu adalah alam tersendiri buat manusia...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 213).

Penekanan terhadap perasaan bertanggungjawab merupakan bahagian imperatif dalam logoterapi sebagaimana yang ditekankan oleh Frankl (1959: 134) bahawa seorang individu yang benar-benar memiliki perasaan tanggungjawab yang tinggi sanggup mengetepikan kesenangan peribadi, sebagaimana katanya ... 'A man who becomes conscious of the responsibility he bears toward a human being work, will be able to throw away his life'. Sa'aman menyatakan bahawa orang yang berjuang untuk membebaskan tanah air dan bangsanya dari diperbudakkan adalah sesungguhnya lebih suci daripada orang yang belum pernah berdosa selama hidupnya, malah lebih suci daripada orang yang pulang naik haji dengan serban setebal gendang, juga lebih suci daripada orang yang seumur hidupnya hanya sembanhyang kerjanya. Kerana mereka itu mencari syurga hanya untuk dirinya sendiri, tetapi orang

berjuang adalah menyediakan syurga untuk berpuluh juta manusia bangsanya.

Demikianlah pandangan Sa'aman tentang makna sebuah perjuangan. Pekara yang paling nyata ialah bagaimana konsep perjuangan yang didukungnya itu telah menjadikannya manusia yang bertanggungjawab terhadap keberadaannya di atas muka bumi walaupun di dalam kurungan. (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 134) Oleh kerana perasaan tanggungjawab inilah hukuman terhadap perbuatannya membunuh seramai lebih dari lima puluh enam orang militer diterimanya dengan lapang dada. Dia memang rela untuk mati digantung atau ditembak atau dipancung. Dalam keadaan yang sukar Sa'aman masih mampu untuk menyuarakan isi hatinya bahawa; ... 'Dosaku banyak. Lebih dari lima puluh orang ku bunuh - ku hancurkan sumber penghasilan keluarganya. Tapi kerana aku merasa bertanggungjawab atas segala perbuatanku - atas segala dosaku, aku serahkan semuanya itu kembali pada Tuhan. Dan selama aku masih hidup, selama masih ada detik dan hari buatku, dan selama masih ada nafasku, waktu itu akan ku pergunakan untuk menyerahkan kembali segala-galanya pada Tuhan...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988:130) Dalam keadaan seperti ini apa jua yang boleh dilakukan terhadapnya, yang pasti dia tidak takut (Pramoedaya Ananta Toer 1988:112). Sa'aman menyedari bahawa budi kemanusiaan yang telah diserahkan kepada manusia sebenarnya belum ada lagi. Dan kalau adapun hanya yang terdekat pada keluarganya sahaja, dan itupun tidak mencukupi (Pramoedaya Ananta Toer 1988:112).

Direktor penjara yang sudah tiga tahun baru pertama kali menemui seorang pesalah yang begitu tabah dan berani meskipun padanya ada pelbagai kesalahan yang dilakukan. Bukan itu saja direktor juga boleh menilai kebijaksanaan Sa'aman menerusi kata-kata yang diucapkannya. Sikap Sa'aman akhirnya menarik perhatian hingga lembut hati direktor yang pula memungkinkan mereka untuk berbicara seperti sahabat. Meskipun baru berkenalan, namun direktor itu telah menaruh kepercayaan kepada Sa'aman. (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 154)

Sebagai seorang yang memiliki nilai kemanusiaan yang tinggi, prinsip perjuangan yang tinggi, dalam keadaan yang tidak sedar Sa'aman telah berjaya menunduk direktor penjara untuk sama-sama merasai kemesraan yang dijalinkan dengan nilai kemanusiaan yang tinggi.

... 'Dan di saat itu terlupalah bahawa antara kedua makhluk itu ada sesuatu yang membatasi. Mereka lupa Sa'aman dan direktornya bahawa seorang tidak lain daripada penjaga agar yang satu jangan lari supaya bisa dibunuh. Ya, saat itu keduanya lupa bahawa mereka dipecahbelakan oleh anutannya masing-masing. Keduanya ada merasai kemesraan kemanusiaan- kemanusiaan dalam saat yang segenting-gentingnya ...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 156).

Dalam hal ini pembaca boleh memahami bagaimana kebolehan pengarang mengaplikasikan falsafah kehidupannya tentang jurang yang wujud dalam sistem kemasyarakatan, terutama yang melibatkan budaya dan politik di waktu revolusi. Namun jurang tersebut dapat diatasi dengan nilai kemanusiaan. Pada mereka ada perasaan kemanusiaan yang tinggi. Kedua-duanya dapat merasai kemesraan kemanusiaan-kemanusiaan dalam saat yang segenting-gentingnya.

#### DETIK SEBUAH KEMATIAN

Bagi Sa'aman kesempatannya untuk menikmati keseronokan hidup telah dihalang. Justeru, dia perlu untuk melalui penderitaan dan menerima penderitaan tersebut secara berani kerana dengan itulah kehidupan yang dilaluinya penuh dengan makna sehinggalah ke akhir hayatnya. Dalam keadaan ini Frankl (1957:137) yang menyatakan bahawa seseorang yang sanggup menderita dalam menyahut cabaran kehidupannya sehingga ke saat akhirnya, mempunyai makna berpendapat bahawa; ... 'In accepting this challenge to suffer bravely, life has a meaning up to the last moment, and it retains this meaning literally to the end...'

Penderitaan yang tidak dapat dielakkan membawa erti sebuah kehidupan yang tinggi. Sa'aman pernah ditanya apakah yang menjadikan seseorang itu seorang perajurit yang baik? Jawapan yang diberinya ialah kekuatan, ketabahan, kemuliaan dan yang paling penting kejujuran kerana kejujuranlah yang akan menjadikan seseorang tidak gentar dan takut untuk berhadapan dengan maut. Keadaan Sa'aman yang tenang dan tabah dalam menanti saat genting, saat untuk hukuman mati yang perlu dijalaninya, menggambarkan keaslian dirinya, seorang yang memiliki 'spiritual' atau rohani yang sihat dan minda yang cergas.

Perasaan menanti saat kematian sebagaimana yang dialami oleh Sa'aman merupakan satu detik yang harus dilaluinya meskipun menunggu datangnya kematian sendiri itulah seksa yang tidak boleh ditanggung oleh manusia (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 169). Penderitaan yang ditanggung oleh Sa'aman merupakan manifestasi makna yang telah diberikan kepada kehidupannya.

When a man finds that it is his destiny to suffer, he will have to accept his suffering as his task; his single and unique task. He will have to acknowledge the fact that even in suffering he is unique and alone in the universe. No one can relieve him of his suffering or suffer in his place. His unique opportunity lies in the way in which he bears his burden. (Frank 1959: 99).

Bagi Sa'aman dia telah memahami apa yang diertikan sebagai penderitaan dan tidak perlu untuknya menjauhinya. Sama ada derita atau mati kedua-duanya mempunyai

makna. Perkara yang lebih pasti lagi ialah kematiannya bukanlah semata-mata mati, tetapi ada makna pada kematiannya. Hal ini ditegaskan oleh Frankl (1959: 99) dengan mengatakan ... 'for us, as prisoners, these thoughts were not speculations far removed from reality. They were the only thoughts that could be of help to us. They kept us from despair, even when there seemed to be no chance of coming out of it alive...'. Sa'aman seumpama diusir dari tanahairnya sendiri. Akhirnya Sa'aman ditembak dan darah yang berwarna kecoklat-coklatan terkena sinar matahari keluar dari kepala dan yang tinggal kini hanyalah bangkai yang tidak bergerak lagi.

#### KESIMPULAN

Keupayaan pengarang menguasai pengalaman sewaktu dipenjarakan telah memberi kesempatan untuknya melukiskan watak seorang insan yang mempunyai makna kehidupan yang jelas. Pemilihan Sa'aman sebagai watak utama banyak digunakan untuk menyampaikan mesej yang bersifat kemanusiaan. Pengarang telah berjaya menggunakan Sa'aman untuk menggambarkan pergolakan revolusi. Gambaran dan suasana dalam penjara dan saat menghadapi kematian yang disampaikan begitu segar sekali sebagai contoh, ... 'Lapangan penjara itu masih sunyi. Tidak sebagai biasanya, belum ada seorang pun nampak selain para penjaga penjara. Angin pagi yang meniup terasa dingin, seperti membawakan khabar maut pada dunia...' (Pramoedaya Ananta Toer 1988: 230). Menerusi imajinasinya pengarang juga berupaya membuat pembaca merasai sendiri penderitaan dalam perjuangan. Hal ini disetujui oleh tokoh sastera, Teeuw, sebagaimana katanya ... 'Dalam cerita ini imajinasi pengarang telah menghasilkan suatu realiti yang begitu hebat sehingga dapat disalurkan melalui bahasa dan pembaca merasa sebahagian daripada realiti itu...' (Teeuw 1970:173).

Watak Sa'aman yang hidup juga telah berjaya membawa pembaca merasai sendiri penderitaan sebagai tahanan dalam penjara dan pada masa yang sama menghargai nilai kemanusiaan yang sebenar. Penerokaan untuk menyelami jiwa Sa'aman sebagai seorang pejuang kemerdekaan melalui pendekatan logoterapi terbukti berjaya menemukan pembaca dengan pelbagai rahsia kekuatan, ketabahan dalam berjuang dan yang paling penting ialah makna hidup bagi seorang pejuang seperti Sa'aman. Di sinilah letaknya kehebatan dan keistimewaan novel *Keluarga Gerilya*. Menghayati karya seni kreatif seperti *Keluarga Gerilya* ini melalui lensa psikologi, khususnya psikologi logoterapi Frankl yang amat menekankan kehadiran makna dan tujuan sebenar dalam hidup memberi peluang kepada pembaca untuk lebih menghayati ceritanya.

## RUJUKAN

- Pramoedaya Ananta Toer. 1970. *Keluarga Gerilya*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- \_\_\_\_\_. 1988. *Keluarga Gerilya*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ali Ahmad. 1977. *Ulasan Buku Keluarga Gerilya untuk HSC*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Bahrum Rangkuti. 1963. *Pramoediya Ananta Tur*. Jakarta.
- Frankl, V.E.. 1959. *Man's Search for Meaning*. New York: Washington Square Press Publication.
- \_\_\_\_\_. 1973. *The Doctor and the Soul: From Psychotherapy to Logotherapy*, New York: Vintage Books. (Edisi asalnya *Arztliche Seelsorge* yang diterbitkan dalam tahun 1946).
- Teeuw, A.A. 1070. *Sastera Baru Indonesia*. Jakarta, Indonesia.
- Ratna Roshida Ab Razak, PhD.  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM,  
Pulau Pinang.